

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 30 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah penyelesaian yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi membolehkan pengundi berdaftar yang bekerja dalam bidang kritikal dan tidak dapat mengundi kerana tuntutan kerja dapat menunaikan tanggungjawab itu.

55

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa mengambil perhatian terhadap permasalahan pengundi yang tidak dapat keluar mengundi akibat tuntutan kerja yang kritikal semasa hari mengundi pada Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil.

Berhubung dengan perkara ini, Sekyen 25, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 menyatakan dengan jelas bahawa majikan hendaklah membenarkan suatu tempoh masa yang munasabah bagi membolehkan pekerjaanya keluar mengundi. Sekiranya seseorang majikan enggan untuk melaksanakan tindakan tersebut, maka mereka boleh disabitkan di mahkamah dan didenda sebanyak RM 5,000.00 atau dipenjarakan selama satu tahun.

Sekian, terima kasih.